

## **PENGAMALAN KONSEP SADD AL-ZARI'AH DI SELANGOR: SATU ANALISA TERHADAP SOP SOLAT JUMAAT KETIKA PANDEMIK**

MAAD AHMAD, HASLIZA TALIB, NURUL SYAFINI ABD. RAHMAN, MUHAMMAD  
YOSEF NITEH & ASMA' ABDUL HALIM

Pusat Pengajian Teras, PPT

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

[maad@kuis.edu.my](mailto:maad@kuis.edu.my), [hasliza@kuis.edu.my](mailto:hasliza@kuis.edu.my), [nurulsyafini@kuis.edu.my](mailto:nurulsyafini@kuis.edu.my), [myosef@kuis.edu.my](mailto:myosef@kuis.edu.my)  
& [asmaabdulhalim20@kuis.edu.my](mailto:asmaabdulhalim20@kuis.edu.my)

### **ABSTRAK**

Masyarakat dunia dikejutkan dengan norma hidup baharu apabila tersebarnya wabak COVID19 bermula Disember 2019. Wabak ini bukan hanya memberi kesan kepada kehidupan sosial dan ekonomi masyarakat malah turut memberi kesan kepada pelaksanaan ibadah terutama kepada umat Islam. Pihak Jabatan Agama Islam Selangor JAIS telah mengeluarkan pelbagai SOP dari semasa ke semasa yang bersesuaian dengan keadaan dan keperluan penjagaan kesihatan orang ramai. Pelaksaan solat jumaat yang merupakan kewajipan kepada seluruh kaum Muslimin yang mukallaf telah dihadkan; penjarakan saf telah diwajibkan dan pelbagai peraturan-peraturan lain demi kemaslahatan jemaah dan nama baik institusi Islam. Kesan daripada perkembangan teknologi maklumat yang sangat pesat, banyak pihak berani memberi pandangan masing-masing termasuk dalam soal ibadah serta mengeluarkan hukum-hukum syariah tanpa pengkajian terperinci. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk memperjelaskan kaedah sadd al zari'ah dalam usaha mengekang dan mencegah wabak ini dari terus merebak. Pendekatan induktif dan analitis telah digunakan dalam penulisan ini. Hasil kajian mendapati bahawa tindakan kerajaan dan JAIS mengekang penganjuran sebarang perhimpunan dan pergerakan antara bandar dan negeri serta penutupan masjid buat sementara keapda orang ramai adalah selaras dengan kaedah sadd al-zari'ah bagi mencegah wabak COVID 19 serta apa-apa wabak lain yang membahayakan masyarakat.

**Kata Kunci:** wabak, zadd al-zari'ah, COVID19

### **1.0 PENDAHULUAN**

Dunia dikejutkan dengan satu pandemik virus merbahaya dikenali COVID-19 yang menular daripada titisan air di udara dan memberi jangkitan dan kesan kepada sistem saluran pernafasan. Buat kali pertama, pandemik ini dikesan di Negara China pada Disember 2019. WHO telah mengesahkan lebih daripada 10,000 kes penularan COVID-19 di seluruh China pada 25 Januari 2020. Menurut laporan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada 30 Mei 2022 jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak 4,467,925 orang dan jumlah kematian mencecah sebanyak 35,669 orang (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2022). Peningkatan jumlah kes jangkitan amat membimbangkan sehingga pihak kerajaan melalui Majlis Keselamatan Negara telah mengenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) dan Akta Polis 1967 (Akta 334) sehingga diisytiharkan Proklamasi Darurat 2021 (Seksyen 2 Ordinan Darurat Kuasa-Kuasa perlu 2021). Susulan penguatkuasaan perintah tersebut, Jabatan Mufti seluruh negara telah mengarahkan agar semua aktiviti yang melibatkan perhimpunan awam di masjid dan surau perlu mengikut SOP yang ditetapkan. Justeru kajian ini akan menggunakan pendekatan Maqasid Syariah dalam

menangani Pandemik COVID-19. Berasaskan prinsip Maqasid Syariah, nyawa merupakan aspek penting yang perlu dijaga (*hifz nafs*). Maqasid Syariah menekankan aspek kebaikan (*maslahah*) dan menolak sebarang kemudaratan (*mafsadah*). Dalam menangani COVID-19, prinsip Maqasid Syariah dijadikan asas dan panduan dalam mengekang penularan COVID- 19 terutama menjaga keselamatan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Kajian ini menggunakan metode kualitatif bagi menganalisis data terhasil dari sumber primer dan sekunder termasuk buku, artikel jurnal, temu bual dan lain-lain.. Objektif kajian ini ialah untuk mengenalpasti elemen pematuhan terhadap prinsip Syariah berkaitan wabak.

## **2.0 Konsep Sadd al-Zari'ah**

*Sadd al-Zari'ah* merupakan perkataan bahasa arab yang terdiri dari dua perkataan iaitu *Sadd* dan *al-Zari'ah*. *Sadd* bermaksud menutup, menegah, menghalang, menyekat ataupun menyumbat. Manakala perkataan *al-Zari'ah* pada asalnya bermaksud sesuatu yang tegang dan panjang serta berlaku. Ini kerana perkataan *al-Zari'ah* berasal dari perkataan (*zara'a*) yang bermaksud menegang dan memanjang serta berlaku pergerakan, maka setiap pecahan dari perkataan ini adalah merujuk kepada pengertian asal itu. Sebagai contoh, perkataan (*al-zira'*) ialah anggota yang memanjang dari bahagian siku ke bahagian jari tengah iaitu yang dikenali sebagai lengan (wan zulkifli). *Perkataan al-Zari'ah* pula membawa maksud memanangkan sesuatu dan berlaku pergerakan ke hadapan bagi mencapai sesuatu, dan ia juga bermaksud jalan atau wasilah. Ini kerana setiap objektif yang hendak dicapai oleh seseorang tidak akan berhasil kecuali melalui *al-Zari'ah* (sebab, jalan atau cara) yang mesti dilakukannya terlebih dahulu (Wan Hassan, 2005).

Dari sudut istilah pula, Al-Syatibi berpendapat bahawa *Sadd al-Zari'ah* ialah mengguna jalan maslahah (kebaikan) sebagai cara untuk mendatangkan mafsaadah (kerosakan). Selain itu, menurut Muhammad Hisyam al-Burhani, *Sadd al-Zari'ah* ialah suatu perkara yang tidak ditegah pada asalnya, tetapi ia ditegah jika terdapat tohmah (unsur-unsur yang boleh membawa kepada kerrosakan dan keburukan). Selain itu, al-Qarafi pernah menegaskan bahawa *Sadd al-Dharā'i* ialah langkah pencegahan yang wajib dilakukan terhadap *al-Zari'ah* yang mendorong ke arah kerrosakan (Wan Hassan, 2005).

Penjelasan di atas ternyata pengertian *Sadd* Penjelasan di atas ternyata pengertian *Sadd al-Zari'ah* ialah menutup, menghalang, menyekat, memotong jalan-jalan atau punca-punca serta perbuatan yang boleh membawa kepada kejahatan dan kerrosakan. Walaupun pada asalnya jalan-jalan atau punca-punca perbuatan itu diharuskan, tetapi apabila didapati ia membawa kepada kejahatan dan kerrosakan, maka ia diharamkan dan ditegah. Ialah menutup, menghalang, menyekat, memotong jalan-jalan atau punca-punca serta perbuatan yang boleh membawa kepada kejahatan dan kerrosakan. Walaupun pada asalnya jalan-jalan atau punca-punca perbuatan itu diharuskan, tetapi apabila didapati ia membawa kepada kejahatan dan kerrosakan, maka ia diharamkan dan ditegah (Wan Hassan, 2005).

### **2.1 Jenis-jenis Al-Zari'ah menurut Syarak:**

Para Fuqaha membahagikan *al-zari'ah* kepada empat bahagian. Setiap bahagian mempunyai

hukum tersendiri sama ada disekat ataupun tidak seperti berikut: (al-Burhany, 2009)

2.1.1 Perbuatan yang harus tetapi pasti membawa kepada *mafsadah*. Ini bermaksud seseorang mukallaf itu dapat merasakan secara yakin bahawa perbuatan yang dilakukannya itu boleh mendorong ke arah kerosakan sama ada kepada dirinya mahupun kepada orang lain. Contohnya ialah menggali lubang seperti perigi atau telaga di tempat yang gelap dan menjadi laluan orang ramai. Maka diandaikan sesiapa sahaja yang melalui jalan tersebut pasti akan terjatuh ke dalam perigi tersebut. Para Ulama' bersepakat mengatakan bahawa perbuatan itu ditegah. Ini kerana kerosakan yang akan berlaku hasil daripada perbuatan tersebut adalah suatu yang pasti.

2.1.2 Perbuatan yang harus tetapi jarang membawa kepada *mafsadah*. Berlakunya kebaikan mengatasi keburukan seperti hukum melihat wanita yang hendak dipinang dan hukum menanam anggur kerana jarang sekali digunakan untuk dijadikan arak.

2.1.3 Perbuatan yang harus tetapi biasanya akan membawa kepada *mafsadah*. Contohnya menjual senjata kepada musuh pada waktu peperangan dan menjual anggur kepada pembuat arak. Para ulama' berselisih pendapat pada bahagian ini. Sebahagian daripada mereka seperti al-Shatibi telah menyatakan hukum bahagian ini seperti bahagian pertama iaitu ditegah, kerana terdapat sangkaan yang kuat senjata itu akan digunakan untuk memerangi umat Islam dan anggur digunakan untuk membuat arak. Manakala segelintir yang lain pula berpendapat sebaliknya kerana kemudaratan itu dianggap tidak berlaku.

2.1.4 Perbuatan yang harus tetapi seringkali membawa kepada *mafsadah*. Dengan kata lain, perkara ini jika dilakukan, kemungkinan besar akan mendatangkan *mafsadah*, tetapi tidak sampai ke tahap persangkaan yang kuat apatah lagi ke tahap keyakinan secara pasti. Contohnya jualbeli secara tangguh (*buyu' al-ajal*). Jual beli ini dipercayai boleh membawa kepada berlakunya riba, tetapi tidak sampai kepada keyakinan pasti. Para ulama' telah berselisih pendapat mengenai hukum masalah ini seperti berikut:

- i. Imam Malik dan Ahmad menetapkan bahawa perbuatan itu haram (jual beli secara tangguh) dan akadnya batal sebagailangkah berhati-hati daripada berlakunya riba'. Dalam rangka *ihtiyat* (berjaga-jaga), riba sering berlaku dalam jual beli ini walaupun tidak bertujuan sedemikian. Oleh itu, wajib *ihtiyat* dengan mendahulukan *mafsadah*, kerana dalam konteks *ihtiyat* apabila banyak berlaku *mafsadah* biasanya ia sampai ke peringkat (*zhanh*) sangkaan yang kuat. Maka dalam hal ini perlulah diutamakan kemudaratan, kerana menolak kemudaratan itu perlu didahulukan untuk menjamin kemaslahatan.
- ii. Imam Abu Hanifah dan al-Syafi'i mengharuskan jual beli tersebut kerana kerosakan yang timbul itu tidak semestinya berlaku dan tidak mempunyai persangkaan yang kuat akan berlakunya *mafsadah*. Ia hanyalah sekadar andaian kemungkinan berlakunya *mafsadah* dan kemungkinan tidak. Maka hukum asal iaitu harus (jual beli secara tangguh) tidak bertukar kepada haram kecuali jika terdapat kemudaratan (al-Burhany, 2009) dan (Wan Hassan, 2005).

### **3.0    *Sadd al-Zari'ah* Menangani Wabak COVID-19**

Mengikut Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), COVID19 merupakan satu wabak penyakit yang boleh menyerang manusia dan menyebabkan demam, batuk, selsema serta komplikasi kritikal paru-paru sehingga boleh membawa kepada maut. Virus ini sangat mudah dan senang berjangkit serta tersebar dalam masyarakat. Kemunculan wabak ini menyebabkan beberapa sektor

terjejas termasuk surau, masjid serta sektor ekonomi. Langkah selamat yang diambil oleh kerajaan beberapa negara termasuk Malaysia ialah dengan menutup serta menghadkan aktiviti-aktiviti sosial dalam kalangan masyarakat. Tindakan ini telah mendapat pelbagai reaksi sama ada menyokong atau sebaliknya.

Bagi menjelaskan situasi berikut dan memberi kefahaman kepada masyarakat, penulis cuba menggunakan kaedah *sadd al-zaria'ah* yang berkaitan langkah-langkah keselamatan yang diambil oleh kerajaan seperti berikut:

**Pertama:** Larangan masyarakat berkumpul dan pergi ke tempat yang sesak untuk mengelak daripada jangkitan bagi memutuskan rantaian virus.

Sabda Rasulullah SAW dalam Sahih Muslim:

لَا يُورِدُ مُرْضٍ عَلَى مُصْحَّ (رواہ مسلم)

Maksudnya: "Janganlah pemilik unta yang sakit mencampurkan untanya dengan yang sihat."(HR Muslim: 4235)

Dalam hadis ini Rasulullah melarang pemilik unta yang ada jangkitan mencampurkan untanya dengan unta lain yang sihat. Maka jelas larangan ini lebih besar sekiranya jangkitan itu pada manusi, kerana nyawa manusia dan kesihatannya lebih penting dan mulia dari kesihatan dan nyawa unta. Maka seorang hamba perlu mencegah apa sahaja apa yang boleh menyebabkan tersebarnya penyakit berjangkit.

**Kedua:** Menjauhkan diri daripada seorang yang telah dijangkiti

Hadis riwayat Abu Hurairah ra, sabda Rasulullah saw:

فَرَّ مِنَ الْجَنُومِ فَرَأَكَ مِنَ الْأَسْدِ

*Menjauhlah diri dari kusta, sebagaimana menjauhnya engkau dari singa.*

Firman Allah swt dalam surah al-Baqarah: 195,

وَلَا تُلْقِوْ بِأَيْدِيْكُمْ إِلَى الْتَّهْلُكَةِ

*Dan janganlah kamu menjatuhkan dirimu sendiri ke dalam kebinasaan.*

Kebinasaan yang disebutkan dalam ayat ini ialah segala kebinasaan dalam permasalahan din (agama) dan dunia. Berdasarkan kepada hadis dan ayat quran ini, jelas bahawa menjauhkan diri daripada penyakit yang berjangkit dan juga daripada seorang yang membawa virus yang boleh dijangkiti adalah wajib dan perkara tersebut perlu diambil perhatian dengan serius. (al-Raisuni, 2019)

**Ketiga:** Pergerakan melintasi daerah dan negeri

Pergerakan merentas daerah dan negeri adalah perkara yang digalakkan oleh Syariat Islam atas pelbagai tujuan seperti perniagaan, ziarah-menziarahi, melancong dan lain-lain. Perkara ini dijelaskan dalam ayat-ayat berikut:

هُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ ذُلُلاً فَامْشُوا فِي مَنَاكِبِهَا وَكُلُوا مِنْ رِزْقِهِ وَإِلَيْهِ أُنْشُوْرُ

*Dia lah yang menjadikan bumi bagi kamu: mudah digunakan, maka berjalanlah di merata-rata ceruk rantaunya, serta makanlah dari rezeki yang dikurniakan Allah; dan (ingatlah), kepada Allah jualah (tempat kembali kamu sesudah) dibangkitkan hidup semula; (maka hargailah nikmatNya dan takutilah kemurkaanNya). al-Mulk:15*

فَأَنْتُشِرُواٰ فِي الْأَرْضِ وَابْتَعُوا مِنْ فَضْلِ اللّٰهِ وَادْكُرُو اَللّٰهَ كَثِيرًا لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

*Kemudian setelah selesai sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah, serta ingatlah akan Allah banyak-banyak (dalam segala keadaan), supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat). (al-Jum'ah:10)*

Berdasarkan dua ayat tersebut ia adalah keizinan daripada Allah swt untuk untuk manusia bergerak di atas bumi ini dengan bebas. Malah manusia digalakkan untuk bertebaran di atas muka bumi bagi mencari sebanyak-banyak rezeki dan rahmat Allah swt yang sangat banyak.

Walaubagaimanapun, dalam keadaam sekiranya sesuatu tempat itu mengalami dan mempunyai penyakit yang berjangkit, maka Rasulullah saw melarang sesiapa pun bergerak ke tempat tersebut. Sabda Baginda:

إِذَا يَسْعُثُمْ بِهِ [يعني : الطاعون] بِالْأَرْضِ فَلَا تَقْدُمُوا عَلَيْهِ ، وَإِذَا وَقَعَ بِالْأَرْضِ وَأَنْتُمْ بِهَا فَلَا تَخْرُجُوا فِي رَأْبٍ مِنْهُ " رواه مسلم .

*Jika kalian mendengar wabak melanda suatu negeri. Maka, jangan kalian memasukinya. Dan jika kalian berada di daerah itu janganlah kalian keluar untuk lari darinya. (HR Muslim: 4226)*

Dalam hadis ini, Rasulullah saw melarang untuk pergi ke tempat-tempat yang mengalami wabak penyakit berjangkit. Ini menunjukkan bahawa Rasulullah saw amat menekankan tentang keselamatan dan kesihatan masyarakat. Perkara ini perlu diambil perhatian oleh semua lapisan masyarakat samada Islam ataupun bukan Islam. Khalifah Umar al-khattab ra berpegang kepada arahan Rasulullah saw tentang larangan melakukan sesuatu yang boleh membawa kemudarat kepada masyarakat.

**Keempat:** Larangan melakukan perhimpunan beramai-ramai di tempat dan daerah yang telah dijangkiti wabak untuk melindungi masyarakat.

Syariat Islam secara umum megharuskan perhimpunan beramai-ramai sama ada di tempat kerja ataupun di pusat-pusat membeli-belah ataupun di mana-mana tempat. Walaubagaimanapun perhimpunan ini adalah dilarang dalam keadaan jika ia mengundang kemudarat seperti jangkitan penyakit. Pihak berkuasa dan kerajaan berhak untuk menghalang atau membenarkan perhimpunan bergantung kepada keperluan dan keadaan semasa bagi mengekang sesuatu yang lebih buruk berlaku. Larangan hanya berlaku buat sementara waktu sahaja sehingga didapati ancaman itu sudah tiada. (al-Raisuni, 2019)

Berdasarkan kepada kaedah maslahat umum diutamakan berbanding dengan matlamat khusus kesihatan masyarakat dan rakyat adalah salah satu matlamat umum yang perlu diambil berat. Jumur ulama bersetuju kedai-kedai dan pusat membeli belah ditutup buat sementara waktu sekiranya didapati ia boleh menjaskan dan menyebarkan kemudarat kepada masyarakat. (Zarka, 2019) Walaupun perkara itu terdapat sedikit kemudarat kepada ahli-ahli perniagaan tertentu tetapi perkara ini perlu diambil atas sebab maslahat umum.

**Kelima:** Larangan solat berjemaah dan penutupan masjid di daerah yang telah dijangkiti wabak. Mengimarahkan masjid dengan Syiar dan aktiviti ibadat adalah satu kefarduan yang tidak boleh dipertikaikan. Dengan obejektif ini masjid di bina dan pengimarahannya dilaksanakan. Walaubagaimanapun semua tuntutan syarak ada kaitannya dengan kemampuan dan kebersediaan mukallaf. Justeru, Syariat tidak menfardukan sesuatu di luar kemampuan manusia. Allah swt berfirman:

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا لَمَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا أَكْتَسَبَتْ لَرَبِّنَا لَا تُؤَاخِذْنَا إِنْ تُسِّينَا أَوْ أَحْطَأْنَا رَبَّنَا وَلَا تُحْمِلْنَا إِصْرًا كَمَا حَمَلْنَاهُ عَلَى الْأَذْيَنِ مِنْ قَبْلِنَا وَلَا تُحْمِلْنَا مَا لَا طَاقَةَ لَنَا بِهِ وَأَعْفُ عَنَّا وَأَغْفِرْ لَنَا وَأَرْجِعْنَا أَنْتَ مَوْلَانَا فَانْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكُفَّارِينَ

Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya. Ia mendapat pahala kebaikan yang diusahakannya, dan ia juga menanggung dosa kejahatan yang diusahakannya. (Mereka berdoa dengan berkata): "Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau mengirakan kami salah jika kami lupa atau kami tersalah. Wahai Tuhan kami ! Janganlah Engkau bebankan kepada kami bebanan yang berat sebagaimana yang telah Engkau bebankan kepada orang-orang yang terdahulu daripada kami. Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau pikulkan kepada kami apa yang kami tidak terdaya memikulnya. Dan maafkanlah kesalahan kami, serta ampunkanlah dosa kami, dan berilah rahmat kepada kami. Engkaulah Penolong kami; oleh itu, tolonglah kami untuk mencapai kemenangan terhadap kaum-kaum yang kafir". (al-Baqarah: 286)

Surah al-Baqarah ayat 286 menyatakan satu kaedah iaitu tugasan perlu dilakukan setakat kemampuan. Kaedah ini merupakan satu rahmat daripada Allah swt untuk hamba-Nya. Penetapan peruntukan hukum-hakam syariah adalah satu taklifan mengikut kemampuan seseorang. Hukum hakam ini terbatas dalam kemampuan manusia. Tidak dapat dinafikan terdapat galakan untuk menunaikan solat berjemaah di masjid dalam beberapa pasal al-Quran. Dalam keadaan apabila terdapat pandangan pakar yang menyatakan bahawa penyakit berjangkit sedang merebak dan mudah tersebar kepada umum, maka pihak berwajib perlu memastikan langkah-langkah keselamatan diambil. Sekiranya langkah-langkah keselamatan itu telah diambil secara maksimum dan penyebaran penyakit berjangkit masih terus tersebar secara berluasan maka diberikan rukhsah dari Allah swt bagi meninggalkan kewajipan untuk ke surau ataupun masjid kerana di bimbang ia akan membahayakan nyawa. (al-Raisuni, 2019)

Dalam keadaan ini tidak ada keberatan hukum untuk menutup sementara masjid dan surau di kawasan di mana wabak itu telah disahkan dengan pasti. Ini adalah kaedah yang perlu dilakukan bagi melindungi masyarakat daripada dijangkiti wabak yang serius. Syariat Islam menggalakkan apa sahaja yang boleh membawa kemudarat perlu dijauhi kerana taklif perkara yang tidak mampu dan mudarat adalah dilarang dalam Syariat Islam. (al-Raisuni, 1992)

Syariah Islam membenarkan seseorang untuk meninggalkan tugasan yang wajib ataupun membenarkan untuk melakukan perkara yang dilarang apabila ada keperluan mendesak (Zizani, 2020). Ini bermaksud sekiranya berlakunya darurat dosa, perbuatan yang dilarang itu akan dimaafkan oleh syariah Islam. (Manahi, 2021)

Sekiranya seseorang telah dijangkiti penyakit berjangkit seperti Covid19 samada terdapat tandanya penyakit seperti demam, batuk ataupun tiada tanda-tanda tetapi telah disahkan oleh pihak hospital maka mereka diizinkan ataupun dibenarkan untuk meninggalkan beberapa tugasan yang

wajib seperti solat berjamaah termasuk ziarah menziarahi saudara mara. Perbuatan-perbuatan tersebut tidak akan dikira sebagai dosa dalam syariah Islam. (Ibn ‘Ashur, 1997)

**Keenam:** Mengurangkan aktiviti keluar dari rumah.

Menghadkan pergerakan ketika ada musibah atau bencana yang melanda bukan perkara baru. Bahkan pernah berlaku pada zaman silam. Rasulullah SAW sendiri dalam beberapa hadis pernah memberi pesanan kepada Umatnya tentang adanya situasi situasi yang digalakan berada dalam rumah. Dalam sebuah hadis Riwayat Imam Tirmizi, Rasulullah SAW menasihatkan sahabat untuk berada di rumah dan kurang aktiviti luar apabila berada di zaman fitnah.

عن عقبة بن عامر قال : قلت يا رسول الله ما النجاة ؟ قال : "أمسك عليك لسانك، وليسعك بيتك، وابث على خطيبتك" رواه الترمذى

*Dari Uqbah bin Amir ra, berkata: Aku bertanya, Ya Rasulullah. Bagaimana untuk selamat? Rasulullah saw bersabda: Tahan olehmu akan lisanmu, dan hendaklah rumahmu atau tetaplah di rumahmu membuatmu lapang dan menangislah atas kesalahan-kesalahanmu. (Riwayat Imam Tirmizi)*

Ketika berada dalam situasi berlakunya fitnah yang sangat banyak ataupun bencana, maka adalah lebih baik mengasingkan diri daripada bercampur ataupun bergaul dengan orang ramai, sebagaimana yang berlaku kepada semut ketika bertemu dengan tentera Nabi Sulaiman as. Firman Allah swt:

"فَالَّتِي نَعْلَمُ يَا أَيُّهَا الْأَنْعُلُ اذْحُلُوا مَسَاكِنَكُمْ لَا يَخْطُمَانُكُمْ سُلَيْمَانٌ وَجُنُودُهُ"

(Maralah angkatan itu) hingga apabila mereka sampai ke "Waadin-Naml", berkatalah seekor semut: "Wahai sekalian semut, masuklah ke sarang kamu masing-masing, jangan Sulaiman dan tenteranya memijak serta membina sakan kamu, sedang mereka tidak menyedari". (al-Naml:18)

Pengasingan diri pada masa penyebaran penyakit berjangkit adalah diperlukan bagi menjaga keselamatan nyawa diri sendiri dan nyawa orang lain. Bagi pesakit yang tidak mempunyai sintom-sintom penyakit seperti demam dan batuk, juga perlu patuh pada arahan tersebut kerana boleh jadi ia akan menjangkiti orang lain yang mempunyai pertahanan badan yang tidak kuat. (Sayuti, 1986) Salah satu tujuan pengasingan di rumah adalah untuk memastikan penyakit tersebut tidak merebak dalam kalangan masyarakat. Dalam masa yang sama, pesakit mempunyai peluang dan ruang masa yang banyak untuk mengabdikan diri beribadat dan bermunajat dengan Allah swt . (Ghazali, 2019)

Perkara ini juga sangat sesuai dengan kaedah: *Dar al-Mafasid Muqaddam A 'la Jalb al-Masalih* (درء المفاسد مقدم على جلب المصالح) ertiannya mengelakkan berlakunya kerosakan hendaklah didahului dari menarik maslahah. Apabila bertembung dua keadaan iaitu yang boleh mendatangkan maslahah atau kerosakan dalam melakukan sesuatu perkara atau dalam mengelakkan sesuatu, maka syarak telah menetapkan bahawa hendaklah dielakkan perkara yang boleh mendatangkan kerosakan terlebih dahulu kemudian diikuti dengan perkara yang boleh mendatangkan kebaikan dengan syarat maslahah tersebut terlalu sedikit berbanding kerosakan yang bakal terjadi. Sekiranya *mafsadah* yang bakal berlaku sedikit atau masih belum tentu sedangkan maslahah yang bakal diperolehi besar maka perlu didahului *maslahah*. Kaedah ini masih mempunyai beberapa

kaedah yang bersangkut antara satu sama lain. (Inizi, 2020) Justeru sekiranya perintah larangan keluar dari rumah dikeluarkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara dan juga Kementerian Kesihatan Negara untuk berkurung di rumah dan tidak dibenarkan untuk keluar maka masyarakat wajib untuk mematuhiya. Sabda Rasulullah saw:

"عَلَى الْمُرِئِ الْمُسْلِمِ السَّمْعُ وَالطَّاعَةُ فِيمَا أَحَبَّ وَكَرِهَ إِلَّا أَنْ يُؤْمِرَ بِعَصْيِيَّةٍ فَإِنْ أُمِرَ بِعَصْيِيَّةٍ فَلَا سَمْعٌ وَلَا طَاعَةٌ" رواه البخاري

*Seorang Muslim diwajibkan untuk mendengar dan mematuhi apa yang dia suka dan tidak suka kecuali dia diperintahkan untuk melakukan kemaksiatan. Maka apabila disuruh berbuat perkara maksiat maka jangan didengari dan jangan ditaati. (Riwayat Imam Bukhari)*

Dapat difahami daripada hadis di atas ialah seseorang Muslim itu wajib taat dan patuh sama ada pada perkara yang dia suka atau tak suka, kecuali jika disuruh melakukan maksiat. Maka kalau ia disuruh melakukan maksiat, tidaklah wajib ia taat dan patuh.

#### **4.0 SOP Solat Jumaat di Selangor Sepanjang Pandemik**

Sebelum COVID-19 diisyiharkan sebagai pandemik, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) telah membuat kenyataan media pada 12 Mac 2020 berkaitan pelaksanaan solat Jumaat. Menurutnya, sekiranya keadaan wabak masih terkawal menurut penilaian Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), solat Jumaat hendaklah diteruskan dengan beberapa syarat iaitu khutbah dipendekkan, berwuduk dari rumah, tidak mempunyai simptom serta memakai pensanitasi tangan dan pelitup muka sebagai langkah pencegahan. Manakala, jika keadaan wabak merebak tanpa terkawal, solat Jumaat boleh untuk tidak dilakukan tetapi wajib diganti dengan solat Zohor di rumah masing-masing. Susulan arahan kerajaan mengenai Perintah Kawalan Pergerakan, Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor melalui kenyataan akhbar pada 17 Mac 2020 telah mengeluarkan arahan penangguhan pelaksanaan solat Jumaat, solat berjemaah, program pengimaran dan kemasyarakatan di semua masjid, surau serta musolla di negeri Selangor berkuatkuasa serta merta sehingga 17 April 2020 akibat dari penularan wabak COVID-19. Kemudian, tempoh tersebut dilanjutkan sehingga 31 Mei 2020. Keputusan ini dikeluarkan demi memastikan penularan jangkitan wabak berbahaya COVID-19 dapat dibendung dan dikawal. (Pekeliling JAIS 17 Mac 2020)

Berikutan berlakunya penurunan kadar jangkitan pada sekitar pertengahan bulan Mei 2020, negara beralih pula ke fasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). Jabatan Agama Islam Selangor pada tarikh 13 Mei 2020 masih mengekalkan arahan untuk semua masjid dan surau tidak boleh mendirikan solat Jumaat kecuali dibenarkan bagi 39 buah Masjid terpilih di Negeri Selangor dengan jumlah kehadiran tidak melebihi 12 orang yang terdiri daripada kalangan pegawai dan ahli jawatankuasa masjid sahaja. Arahan ini dilanjutkan sehingga 30 Jun 2020 kerana masih dibimbangi risiko jangkitan jika kawalan dilonggarkan.

Setelah mempertimbangkan segala maklumat dan nasihat yang disembahkan kepada DYMM. Sultan Selangor, Baginda telah berkenan agar masjid dan surau di Negeri Selangor dibuka secara berperingkat berkuatkuasa pada hari Jumaat, 12 Jun 2020. Jumlah kehadiran jemaah bagi Solat Jumaat ditambah daripada 12 orang kepada 40 orang tidak termasuk Pegawai dan Ahli Jawatankuasa masjid di 39 buah masjid-masjid yang telah ditetapkan sebelum ini. Kad akan diedarkan kepada 40 orang untuk hadir pada Solat Jumaat tersebut. Bagi yang tidak dapat

menunaikan Solat Jumaat di masjid, hendaklah digantikan dengan Solat Zohor dan dilakukan di tempat masing-masing. Semua surau termasuk Surau Kebenaran Solat Jumaat masih tidak dibenarkan untuk dibuka melainkan 3 orang Pegawai Surau seperti yang ditetapkan terdahulu. Pihak JAIS telah menyediakan dan akan menguatkuasakan Garis Panduan lengkap tentang tatacara pelaksanaan Solat Jumaat dan Solat Fardhu berjemaah untuk dipatuhi oleh semua jemaah yang hadir ke masjid. Pegawai dan ahli jawatankuasa Masjid diberi tanggungjawab penuh di dalam mengendalikan dan menguatkuasakan Garis Panduan yang ditetapkan. Jabatan Kesihatan Negeri, Polis Diraja Malaysia dan JAIS akan melakukan pemantauan secara berterusan terhadap kesemua 39 buah masjid yang dibenarkan ini. (Pekeliling JAIS, 11 Jun 2020)

Kerajaan telah memutuskan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) ditamatkan pada 9 Jun 2020 dan digantikan dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) sehingga 31 Ogos 2020. Pelaksanaan PKPP memberi lebih banyak kelonggaran kepada masyarakat Islam menunaikan ibadah dan solat fardu Jumaat di masjid namun perlu mengikuti garis panduan yang telah ditetapkan. Antara garis panduannya ialah kebenaran mendirikan solat fardu Jumaat hanya bagi masjid yang terletak di kawasan berstatus zon hijau sahaja berdasarkan penilaian Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Kawasan masjid yang bertukar status kepada zon kuning dan merah disebabkan berlakunya peningkatan jangkitan kes boleh ditangguhkan semula pelaksanaan solat fardu Jumaat. Selain itu, pegawai masjid hendaklah melaksanakan proses nyahkuman secara berkala sebelum dan selepas solat fardu Jumaat dilaksanakan. Syarat kelayakan jemaah juga diambil kira iaitu berumur tidak melebihi 60 tahun, ahli kariah pemastautin tetap, warganegara sahaja, tidak bergejala, tidak mempunyai penyakit kronik atau uzur, tidak berkerusi roda atau bertongkat, dan memakai pelitup muka. Di samping itu, jemaah perlu membawa kad pengenalan dan kupon khas, berwuduk di rumah sebelum ke masjid, membawa sejadah sendiri, hadir 30 minit sebelum masuk waktu, dan menggunakan pensanitasi tangan semasa masuk dan keluar masjid. (Pekeliling JAIS 19 Jun 2020)

Tempoh pelaksanaan solat ialah 30 minit dari azan pertama hingga selesai solat, kemudian jemaah perlu segera meninggalkan masjid sejurus selesai solat sunat ba'diah dua rakaat. Para jemaah tidak dibenarkan untuk beriktifaf dan bersalamam, serta perlu sentiasa menjaga penjarakan sosial. Kawalan lokal dan domestik juga hendaklah dilakukan seperti penetapan akses keluar masuk, pengurusan laluan masuk utama ke ruang solat utama, pengurusan kehadiran jemaah, kawalan penggunaan prasarana dan menyediakan pelan kedudukan jemaah di ruang solat utama. Langkah-langkah alternatif untuk awasan dan keselamatan perlu disediakan merangkumi tindakan kawalan sebelum, semasa dan selepas solat ditunaikan. Pelaksanaan solat boleh ditangguhkan sekiranya berlaku pelanggaran garis panduan ini atau setelah jabatan ini menerima pandangan dari pihak berkuasa.

Bermula 19 Jun 2020, lebih banyak Masjid dibuka untuk mendirikan Solat Jumaat di Masjid-masjid di Negeri Selangor sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Solat Jumaat dibenarkan untuk dilaksanakan di 39 buah masjid yang telah ditetapkan terdahulu dengan tambahan Masjid-masjid di mukim seluruh Negeri Selangor yang telah dikategorikan sebagai zon hijau oleh Jabatan Kesihatan Negeri Selangor. Jumlah kehadiran jemaah bagi Solat Jumaat di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (Masjid Negeri), Shah Alam ditambah daripada 40 orang kepada 250 orang tidak termasuk Pegawai dan Ahli Jawatankuasa Masjid. Jumlah kehadiran jemaah bagi Solat Jumaat di 38 buah masjid yang dibenarkan sebelum ini

ditambah daripada 40 orang kepada 150 orang tidak termasuk Pegawai dan Ahli Jawatankuasa Masjid. Manakala masjid-masjid di seluruh Negeri Selangor yang di dalam mukim yang dikategorikan sebagai zon hijau dihadkan seramai 40 orang tidak termasuk Pegawai dan Ahli Jawatankuasa Masjid. Pada 3 Julai 2020, semua Masjid dan Surau Kebenaran Jumaat dibenarkan buka untuk mendirikan Solat Jumaat. Seiring dengan keputusan terbaru, setiap jemaah wajib mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh pihak JAIS khususnya mengambil wuduk di rumah, membawa sejadah masing-masing, pemakaian pelitup muka ketika hadir di Masjid dan mengamalkan penjarakan sosial. Bagi mereka yang tidak sihat adalah dilarang sama sekali untuk melaksanakan solat di Masjid. (Pekeliling JAIS, 16 Julai 2020)

Kelonggaran bagi solat Jumaat di seluruh Negeri Selangor ditambah dari semasa ke semasa secara berperingkat dalam aspek pertambahan jumlah masjid dan surau yang dibenarkan buka dan pertambahan bilangan jemaah yang dibolehkan hadir. Walaubagaimanapun, kelonggaran ini kembali diperketatkan dan penangguhan solat Jumaat boleh berlaku semula sekiranya jumlah kes meningkat seperti yang berlaku pada 13 Oktober 2020 dan 12 Januari 2021. Pada 18 Januari 2022, DYMM Sultan Selangor telah berkenan bagi membenarkan penggunaan sepenuhnya ruang solat utama dan ruang limpah di semua masjid dan surau yang mendapat kebenaran solat Jumaat di Negeri Selangor untuk menunaikan solat Jumaat. Baginda turut berkenan bagi jarak antara jemaah ialah 1.0 meter. Manakala ketetapan yang terkini pada 27 Mac 2022, merapatkan saf seperti biasa tanpa penjarakkan fizikal untuk solat berjemaah di masjid, surau dan musolla di negeri Selangor kembali dibenarkan. ( Pekeliling JAIS 27 Mac 2022)

## **Penutup**

Berdasarkan kepada kepentingan memelihara nyawa sebagai satu usaha yang sangat penting, jelas bahawa peranan dan tanggungjawab masyarakat adalah untuk memastikan kesan pandemik covid ini wajar dielakkan melalui usaha-usaha yang telah ditetapkan. Kempen demi kempen yang disarankan oleh pihak Ulil Amri seperti penjarakan fizikal, peraturan mematuhi SOP yang ditetapkan, gesaan untuk mendapatkan vaksin yang mengelakan coronavirus ini adalah suatu kemaslahatan yang penting dan mesti dipatuhi. Tiada lain yang wajar diberi keutamaan oleh masyarakat melainkan memahami tujuan dan kepentingan memelihara diri daripada kebinasaan yang lebih merugikan. Tindakan pihak yang tidak bertanggungjawab mengabaikan tugas dalam memelihara diri daripada keburukan ini bukanlah suatu yang baik dari kaca mata Islam malah bertentangan dengan tujuan syarak. Sememangnya Islam mendidik umatnya agar memahami objektif syariah (Maqasid Syariah) dengan jelas dan tidak mudah terpengaruh dengan maklumat dan kempen yang tidak berpaksikan kepada ilmu yang benar. Melaksanakan konsep pencegahan yang teliti bagi mengelakkan penyebaran wabak yang boleh merosakkan jiwa.

Justeru dalam keadaan seperti hari ini di mana wabak Covid-19 merupakan satu ancaman yang merbahaya bagi nyawa mahupun jiwa manusia yang mana ia merupakan tujuan asal (maqasid asliy) terhadap *hifdz al-nafs* itu sendiri, maka, penangguhan atau larangan pelaksanaan ibadah berjamaah di masjid di tengah peristiwa wabak Covid-19 adalah selaras berasaskan kepada penjagaan maqasid syariah iaitu menjaga jiwa yang bertujuan untuk mendatangkan maslahah dan mengelakan mafsaadah yang dapat menimpa manusia. Islam adalah agama yang sempurna mencakupi semua aspek kehidupan manusia. Apabila berlakunya pandemik seperti Covid-19 ini bukanlah perkara baharu kerana ia telah mendatangkan dalil, langkah pencegahan dan

menerangkan juga kesan serta hikmah di atas segala musibah sepetimana penyakit merbahaya sebelum ini. Semua dalil ini bertujuan bagi memelihara kemaslahatan umat dalam agama, jiwa, keturunan, akal dan harta. Justeru itu, kerjasama antara pemerintah dan rakyat memainkan peranan penting dalam menekan penyebaran sesuatu wabak.

## Rujukan

- Al-Quran.
- Al-Burhany, Muhammad Hisham (2009). *Sadd al-Zara'i fi al-Shariah al-Islamiyyah*, Damsyik, Dar al-Fikr.
- Al-Qarafi. (2010). *Al Furuq*. Al Riyad: Wazarah Al Awqaf.
- Al-Raysuni. (1991). *Nazariyyat al-Maqasid 'Ind al Imam al-Shatibi*. Rabat: Dar al-Aman.
- Al-Raysuni. (1992). *Nazariyyat al-Maqasid 'Ind al Imam al-Shatibi*. Riyadh: Dal Al-'Alamiyyah.
- Al-Raysuni. (2009). *al-Madkhal ila Maqasid al-Shariah*. Mesir: Dar al-Kalimah.
- Al-Raysuni. (2019). *Mawsu'ah Muallamah Zayid lilqawaaid Al Fiqhiyyah*. Beirut: Al Majmu'ah Al Tiba'iyyah.
- Al-Syatibi. (2020). *Al Muwafaqat Fi Usul Al Fiqh*. Cairo: Al Maktabah Al Tijariyyah.
- Anis, I. (2018). *Al-Mukjam Al-Wasit*. Beirut: Dar Al Ilm.
- Burhani, M. H. (1985). *Saddu Al Zara'ik Fi Al Syari'ah Al Islamiyyah*. Dimashq: Dar Al Fikir.
- Ibn 'Ashur. (1997). *Al Tahrir Wa Al Tanwir*. Tunisia: Sahnun.
- Ibn 'Ashur. (2012). *Maqasid al-Syari'ah al-Islamiyyah*. Darussalam.
- Ibn 'Ashur. (2019). *Maqasid al-Syari'ah al-Islamiyyah*. Qatar: Wazarah Al Awqaf.
- Inizi, I. Al. (2020). Sad al-Zarai' Fi al-Ibadat. *Majallah Kulliyyah al-Dirasat al-Islamiyyah*. [https://bfsa.journals.ekb.eg/article\\_108850.html](https://bfsa.journals.ekb.eg/article_108850.html)
- Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) Pekeliling 2020, 2021, 2022.
- Majlis Keselamatan Negara (10 Dis 2022) <https://t.me/MKNRasmi>
- Manahi, M. (2121). Man'Solat al-Jumu'ah wa al-Jama'ah Khawfan Min Korona. *Majallah Kulliyyah al-Dirasat al-Islamiyyah*. [https://fisb.journals.ekb.eg/article\\_134741.html](https://fisb.journals.ekb.eg/article_134741.html)
- Niteh, M. Y. (2017). Dawabit al-Akhz bi al-Rukhsah Fi Qadaya Ikhtalafa Fiha al-Fuqaha'. *Al-Banjari: Jurnal Ilmiah Ilmu-Ilmu Keislaman* (Vol. 15, Issue 2, p. 223). <https://doi.org/10.18592/al-banjari.v15i2.828>
- Wan Hasan, Wan Zulkifli (2005) Jurnal Pengajian Umum (bil.6) (Sadd al-Dharâ'i' Dalam Memelihara Agama dan Kaitannya Dengan Asas Keharmonian Hubungan Etnik
- Zarka, M. A. (2019). *Al-Madkhal al-Fiqh al-'Am*. Dimashq: Dal Al Qalam.
- Zizani, A. (2020). *Hakikat Al Darurah Al Syariyyah*. Riyadh: Dar Al Kutub.